

## 'Banyak pihak sengaja kelirukan rakyat, sebar maklumat tak benar' - Ismail Sabri

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menegaskan ada banyak pihak yang sengaja mengelirukan rakyat dengan memberikan maklumat tidak benar berhubung situasi ekonomi semasa negara.

Tegas Perdana Menteri, cubaan mencetuskan kekeliruan masyarakat adalah dengan mendakwa kerajaan gagal, ekonomi merudum, rakyat tidak mampu berbelanja serta pengangguran meningkat, malah ada juga cubaan melaksanakan protes dan perhimpunan mengejut 'flashmob'.

"Mereka kata ekonomi makin teruk dan ia turut diperkatakan di media sosial, tapi perkara sebenar adalah sebaliknya," katanya pada majlis minum petang Persatuan Wartawan Wanita Malaysia (PERTAMA), di sini hari ini.

Hadir sama, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Mohd Harun; Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Presiden PERTAMA, Sariha Mohd Ali.

Perdana Menteri yang mengumumkan sumbangan RM300,000 kepada PERTAMA bagi melancarkan perjalanan program persatuan itu, meminta pengamal media memainkan peranan menyebar berita yang benar, termasuk dalam aspek pengurusan ekonomi negara.

"Melalui puan-puan (PERTAMA), berita yang benar perlu disebarluaskan supaya rakyat tidak keliru," katanya menegaskan prestasi ekonomi negara berada di landasan kukuh untuk kembali pulih dan berdaya tahan.

Buktinya, beliau berkata, Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan prestasi suku kedua ekonomi negara tahun ini berkembang sebanyak 8.9 peratus, yang tertinggi dan terbaik di Asia Tenggara dan dalam kalangan negara utama dunia.

Ismail Sabri berkata, meskipun berdepan kenaikan inflasi, perbelanjaan isi rumah dan perniagaan kekal meningkat dan menjadi antara penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara.

"Malah berdasarkan statistik **Jabatan Perangkaan**, perdagangan borong dan runcit Malaysia mencatatkan rekod baharu pada Mei lalu dengan merekodkan RM129.8 bilion, sekali gus menjadi jualan tertinggi sejak 2013," katanya.

Jumlah dagangan Malaysia juga, katanya, melepassi paras RM2 trilion buat pertama kali pada 2021, iaitu peningkatan 24.9 peratus, berbanding tahun sebelumnya yang disumbangkan hasil prestasi memberangsangkan bagi eksport domestik dan eksport semula.

Beliau menjelaskan, sejak negara memasuki fasa peralihan ke endemik, kadar pengangguran kembali turun ke paras seperti sebelum pandemik COVID-19, iaitu 3.8 peratus, manakala aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) bersih bagi 2021 adalah RM48.1 bilion.

"Jumlah aliran FDI bersih bagi 2021 itu mengatasi tahun sebelum wabak COVID-19. Malah, pada suku pertama tahun ini pula, nilainya adalah hampir separuh bagi keseluruhan 2021, iaitu melebihi RM24 bilion," katanya.

Mengenai Bajet 2023 yang dijangka dibentangkan Oktober ini, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus memberi penekanan kepada kebajikan Keluarga Malaysia dan kesediaan negara berdepan kemungkinan krisis ekonomi global yang lebih mencabar.

Beliau turut mengulas langkah kerajaan menjaga kepentingan wanita, termasuk mengarahkan penyertaan golongan itu dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) sekurang-kurangnya 30 peratus sebagai ahli lembaga pengarah.

"Kita mahu melihat perkara itu menjelang mesyuarat agung tahunan (GLC, GLIC) pada 2023. Sehingga kini, 210 syarikat sendirian berhad sudah mempunyai lebih 30 peratus wanita dalam lembaga pengarah daripada 900 syarikat sendirian berhad yang ada.

"Suruhanjaya Sekuriti (SC) juga sudah meminda senarai keperluan Bursa Malaysia untuk mewajibkan semua syarikat tersenarai di bursa mempunyai sekurang-kurangnya seorang ahli lembaga pengarah wanita.

"SC menggunakan pendekatan standard di mana semua syarikat besar dengan permodalan pasaran sebanyak RM2 juta pada 31 Disember 2021 akan melaksanakan keperluan ini bermula 1 September ini, manakala bagi syarikat lain pula, ia berkuat kuasa mulai 1 Jun 2023," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/08/988778/banyak-pihak-sengaja-kelirukan-rakyat-sebar-maklumat-tak-benar-ismail>